

SOALAN NO.: 20

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 10 MAC 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan sejauh manakah projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo telah dilaksanakan. Bilakah projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo tersebut akan siap dibina.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo dilaksanakan oleh Kerajaan secara berperingkat-peringkat melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 2,239 kilometer.

Daripada jumlah tersebut, 1,166 kilometer berada di Sabah dan 2,239 kilometer lagi di Sarawak. Setakat ini jajaran Jalan Pan Borneo yang telah dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala ialah sepanjang 251 kilometer, iaitu 114 kilometer di Sabah dan 137 kilometer di Sarawak.

Pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 7 projek baru Jalan Pan Borneo dengan nilai keseluruhan projek sebanyak RM1.52 bilion. Projek-projek ini dilaksanakan menerusi kontrak konvensional JKR (bukan penswastaan), iaitu seperti berikut:

- (1) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun, Sarawak (44km);
- (2) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian, Sarawak (8km);
- (3) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;
- (4) Menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar Spur, Sabah, Pakej 1 (13.7km);
- (5) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Sabah, Pakej 1A dan 1B (6km);

- (6) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Sabah, Fasa 1 (15km); dan
- (7) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Sabah, Fasa 1 (5.6km).

Mengenai status projek Jalan Pan Borneo yang bakal dilaksanakan menerusi penswastaan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat skop pelaksanaan dan butir-butir terperinci mengenai baki Jalan Pan Borneo yang belum dibina dan dinaikkan taraf itu akan dimuktamadkan setelah perjanjian konsesi ditandatangani antara pembida konsesi dan Kerajaan. Pada masa kini cadangan penswastaan Jalan Pan Borneo untuk negeri Sarawak sedang dalam peringkat akhir rundingan dan ia dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat ini. Manakala untuk negeri Sabah pula, ia masih sedang dalam peringkat rundingan awal dengan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Sekian. Terima kasih.